

Tambang: Jangan hanya fikir untung

Oleh ALIF FADLI MOHD. SORI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 DIS.


KENAIKAN tambang pengangkutan awam monorel, transit aliran ringan (LRT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mencecah hampir 100 peratus hanya memberi keuntungan kepada syarikat pengangkutan tanpa melihat beban yang ditanggung oleh rakyat.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Prof. Datuk Dr. N. Marimuthu berkata, kenaikan mendadak yang dikatakan untuk menampung kos perkhidmatan tersebut, dilihat tidak sejajar dengan kualiti yang ditawarkan oleh syarikat pengangkutan berkenaan.

Menurutnya, syarikat pengangkutan awam perlu menambah kualiti terutama dari segi ketepatan masa selain mempertingkatkan aspek keselamatan sejajar dengan kenaikan yang disifatkan sebagai tidak munasabah.

“Pertingkatkan dahulu perkhidmatan, keselamatan dan masa, baru boleh naikkan tambang. Setakat ini, saya tidak mendengar mana-mana syarikat pengangkutan yang terlibat memperkenalkan ciri-ciri keselamatan baharu, jadi mengapa naikkan tambang.

“Kalau kenaikan itu hanya 10 hingga 20 peratus, pengguna boleh menerima dengan hati terbuka na-



N. MARIMUTHU

mun, kenaikan sehingga hampir 100 peratus itu, saya rasa hanya menyusahkan rakyat,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenaikan kadar baharu pengangkutan awam yang mendapat reaksi negatif daripada orang ramai.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Noor Mohamad Shakil Hameed berkata, majoriti pengguna jelas tidak dapat menerima kenaikan tersebut dan mahukan kerajaan mengkaji semula kadar baharu tersebut.

Menurutnya, majoriti pengguna yang menaiki perkhidmatan awam adalah golongan berpendapatan rendah dan semestinya memberi



Kalau kenaikan itu hanya 10 hingga 20 peratus, pengguna boleh menerima dengan hati terbuka namun, kenaikan sehingga hampir 100 peratus itu, saya rasa hanya menyusahkan rakyat.”

N. MARIMUTHU

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

tekanan hidup yang kritikal kepada rakyat.

“Tidak dinafikan kos operasi semakin meningkat, namun adakah langkah menaikkan kadar tambang merupakan satu penyelesaian yang bijak dan berhemah terutama dalam keadaan ekonomi yang genting ini?”

“Kita berharap kerajaan mempertimbangkan semula kenaikan tambang pengangkutan awam yang menambahkan beban sedia ada. Perkara tersebut perlu disemak semula dalam aspek kebajikan rakyat dan bukannya untung rugi perniagaan,” katanya.